

Mida uruskan perjanjian pindah teknologi

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

LEMBAGA Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) akan mengambil alih semua tugas menilai perjanjian pemindahan teknologi, termasuk usahasama, bantuan teknikal, pelesenan, pemberian paten, tanda perniagaan, perkhidmatan kejuruteraan, siap-guna dan pengurusan perjanjian, mulai 1 Mac ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datin Paduka Rafidah Aziz, berkata setelah dikaji oleh Mida, projek itu akan dinilai pula oleh Jawatankuasa Pemindahan Teknologi.

Beliau menegaskan keputusan memindahkan semua tugas penilaian perjanjian pemindahan teknologi kepada Mida dibuat berdasarkan kajian berta-

juk Penilaian Ke Atas Perbadanan Antarabangsa.

Kajian itu dijalankan pada Oktober 1987 dan ia dilaksanakan dengan bantuan Pusat Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perbadanan Antarabangsa di New York, Amerika Syarikat.

Datin Paduka Rafidah berkata kajian itu yang dibiayai oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu, selesai dijalankan akhir tahun lalu.

Berucap merasmikan majlis dialog selepas Belanjawan dengan sektor swasta di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kuala Lumpur semalam, beliau berkata jawatankuasa pemindahan teknologi itu akan dianggotai oleh wakil pelbagai jabatan dan

agensi kerajaan yang mahir dalam bidang itu.

Beliau berharap perubahan itu akan mempercepatkan proses kelulusan.

Agensi serta jabatan kerajaan yang terbahit ialah Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian (Sirim), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Bank Negara serta Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Jika perlu, wakil Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (Porim), Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) dan Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia (Mimos), akan dilantik.